

TARIKH	SELASA, 5 JULAI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	FOKUS HUBUNGAN BAIK KERAJAAN, MAJIKAN, PEKERJA
M/S	7
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

Fokus hubungan baik kerajaan, majikan, pekerja

Presiden baharu MTUC tekad atasi pelbagai isu, cari kesepakatan

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Memperkukuh hubungan baik antara kerajaan, majikan dan pekerja serta mengadakan perbincangan *tripartite* (tiga pihak) dengan lebih kerap berhubung isu pekerja menjadi antara fokus Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) di bawah barisan kepimpinan baharu.

Presidennya, Mohd Effendy Abdul Ghani, berkata MTUC akan dijadikan perantara antara kerajaan, majikan dan pekerja dalam menangani isu pekerja terutama dalam situasi ekonomi mencabar pada masa ini.

"Misi kita adalah untuk sama-sama membantu majikan, pekerja dan kerajaan, jadi prinsip barisan kepimpinan MTUC yang baharu ini lebih kepada kesepakatan antara tiga pihak itu.

"Di peringkat majikan dan kerajaan, MTUC mempunyai harapan tinggi supaya kerajaan dapat mengadakan perbincangan tripartit dengan lebih kerap.

"Ini untuk mencari kesepakatan dalam menangani isu pekerja yang semakin tertekan untuk meneruskan kelangsungan hidup sekarang dan dibebani dengan

kos sedia ada," katanya kepada *BH*, semalam.

Justeru katanya, sekiranya ketiga-tiga pihak ini mempunyai kesepakatan yang baik, ia memudahkan untuk mengenal pasti cara penyelesaian terbaik bagi membantu warga pekerja dan rakyat di negara ini.

Sementara itu, Mohd Effendy berkata, misi kepimpinan baharu MTUC pada peringkat dalaman pula untuk menambah baik dan memperkasa struktur dalam MTUC sedia ada.

"Saya sebagai peneraju baharu ingin melakukan banyak perubahan seiring era digitalisasi yang berlaku dalam negara ini

"Kita juga ingin mengiktisad semula divisyen MTUC di setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak untuk kembali aktif untuk menjadi satu wadah kepada pekerja membantu warga kerja dalam negara kita," katanya.

Mengenai peranan MTUC sebagai kesatuan sekerja utama, Mohd Effendy berkata, pihaknya berharap dapat berbincang semula dengan kerajaan berhubung pindaan Akta Kesatuan Pekerja 1959.

"Pada tahun ini, banyak pindaan akta dibuat kerajaan, termasuk rang undang-undang (RUU) Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan

Pekerjaan 1994 dan terbaru yang kita lihat adalah Akta Kesatuan Sekerja 1959.

"Ia bukan satu masalah tetapi kita memohon kerajaan baru-baru ini termasuk melalui Menteri Sumber Manusia untuk duduk semula berbincang bagaimana untuk melaksanakan pindaan RUU Kesatuan Sekerja.

"Bacaan pertama dibuat membabitkan kebebasan untuk berkesatuan. Pada peringkat MTUC kita tidak menolak kebebasan berkesatuan, tetapi kita ingin ada dialog atau libat urus bersama pihak kerajaan untuk memperhalusi RUU terutama mengenai kepelbagaian yang perlu kita fahami dan dalami," katanya.

Ini kerana, katanya, dalam kalangan kesatuan sekerja yang ada di negara ini wujud kepelbagaian pendapat berkenaan isu itu, selain mempunyai perbezaan latar belakang seperti agama dan kaum.

"Semua kesatuan sekerja perlu duduk bersama melalui MTUC untuk melihat bagaimana kita boleh membantu kerajaan dan kesatuan sekerja untuk kita melihat semula RUU Kesatuan Sekerja yang ada," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan juga diminta memudahkan proses penubuhan kesatuan sekerja kerana bilangan pekerja yang menjadi ahli kesatuan pada masa ini kurang daripada lapan peratus.



Mohd Effendy Abdul Ghani

DISEDIAKAN
OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM